

# **WACANA RETORIK PENGLIPUR LARA MELAYU: ANALISIS STRUKTUR MAKLUMAT**

*Nazirah Ismail*

## **Abstrak**

Makalah ini cuba menghuraikan sedikit sebanyak mengenai aspek struktur maklumat sebagai salah satu aspek dalam wacana dengan tumpuan kepada cerita penglipur lara Melayu. Penelitian dibuat dari segi susunan maklumat dan intonasi sebagai penanda jenis maklumat sebagai mana yang diketengahkan oleh Halliday (1985) dengan tumpuan kepada dua penglipur lara yang berbeza.

## *Abstract*

*This article attempts to elaborate upon information structure as an aspect in discourse focussing on Malay Folktales. The observation of information arrangement and intonation as a marker of information type, as suggested by Halliday (1985), was attempted on two separate folktales.*

## **PENDAHULUAN**

Manusia menggunakan bahasa sebagai alat perhubungan yang penting dalam kehidupan sehari-hari sama ada sebagai penutur, pendengar, penulis maupun pembaca. Sebagai alat perhubungan yang penting, bahasa dilihat dalam pelbagai fungsi, misalnya Halliday dalam bukunya yang berjudul *Explorations in The Functions of Language* (1973) memberikan tujuh fungsi bahasa, iaitu fungsi instrumental, fungsi peraturan atau fungsi pengendalian, fungsi pemerian, fungsi interaksi, fungsi peribadi, fungsi heuristik, dan fungsi khayalan.

Ketujuh-tujuh fungsi ini dapat dirumuskan kepada tiga fungsi, iaitu fungsi alami, fungsi hubungan, dan fungsi tekstual. Fungsi alami bermaksud bahasa berfungsi menghasilkan pengalaman dan fikiran. Fungsi hubungan pula bermaksud bahasa mewujudkan dan mempertahankan hubungan sosial yang melaluinya timbul peranan sebagai penyoal, penyahut, penyuruh, dan orang yang disuruh. Dengan ini juga timbul jenis ayat yang berlainan seperti ayat berita, ayat perintah, ayat tanya, dan lain-lain. Manakala fungsi tekstual pula bermaksud penggunaan bahasa dalam konteks situasi yang benar-benar wujud, yang benar-benar merupakan bahasa yang hidup, bukan contoh yang dibuat-buat yang terdapat dalam kamus dan buku tatabahasa. Di sini dapat dilihat struktur tatabahasa dan intonasi dalam ayat-ayat yang berkenaan terjalin dalam keadaan sambung-menyambung dalam bentuk teks dan berkaitan dengan konteks penggunaannya.

Fungsi-fungsi bahasa yang diperturunkan oleh Halliday ini, menunjukkan peranan penting bahasa dalam kehidupan manusia. Sebagai alat perhubungan juga, manusia sebagai pengguna bahasa tidak berhubung di antara satu sama lain hanya dengan menuturkan sebaris ayat sahaja atau tidak juga menggunakan sekumpulan ayat semata-mata, sebaliknya menggunakan barisan ayat yang berentetan atau berkesatuan yang dinamakan sebagai wacana.

Tarigan (1995:32) yang memetik sebuah kamus Inggeris mengatakan wacana atau *discourse* berasal daripada bahasa Latin *discursus* yang bererti *lari kian ke mari* yang bermaksud hubungan fikiran dengan kata-kata, ekspresi idea-idea, gagasan atau percakapan.

Dalam *Dictionary of Language And Linguistic* (1973:69), wacana ditakrifkan sebagai teks yang berbentuk kesatuan yang lengkap. Biasanya merujuk kepada pengucapan yang berturut-turut semasa seorang penutur menyampaikan amanat. Pentakrifan ini hampir sama dengan yang dibuat oleh Harimuti Kridalaksana, (1982:179) yang mengatakan wacana adalah satuan bahasa terlengkap; dalam hierarki gramatikal, merupakan satuan gramatikal tertinggi dan terbesar yang direalisasikan dalam bentuk karangan yang utuh (novel, buku, siri ensiklopedia dan sebagainya), paragraf, kalimat, atau kata yang membawa amanat yang lengkap.

Trask (1993:84) dalam *A Dictionary of Grammatical in Linguistics* mengatakan wacana sebagai siri ujaran yang bersambung oleh seorang penutur atau lebih. Sementara pentakrifan yang lebih jelas tentang wacana diberikan oleh Tarigan yang dipetik pula oleh Sanat (2002:36) yang berbunyi:


“Wacana adalah satuan bahasa yang lengkap dan tertinggi atau terbesar

di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi tinggi yang berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan dan tulisan."

Ternyata terdapat tafsiran yang pelbagai mengenai pentakrifan wacana. Walau bagaimanapun, berdasarkan pendapat tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa wacana sebagai satuan bahasa terlengkap dalam hierarki tatabahasa yang disampaikan secara lisan dan tulisan.

Sejarah membuktikan, analisis wacana mendapat sumber sejarahnya yang utama daripada retorik klasik kira-kira 2500 sentimeter. Peringkat awal perkembangan retorik, setiap hujahan yang hendak disampaikan mestilah sekurang-kurangnya mempunyai tiga bahagian utama, iaitu *proem*, *narration*, atau *demonstration* dan *epilogue*. Tiga bahagian ini secara umumnya sama dengan tiga bahagian yang perlu ada dalam setiap maklumat yang hendak disampaikan, iaitu pengenalan, isi, dan penutup.

Leech dan Michael H. Short (1993:198) dalam menghubungkan retorik dengan wacana mengatakan wacana sebagai komunikasi linguistik yang dilihat sebagai tindakan antara pengucap dengan pendengar. Suatu kegiatan interpersonal yang bentuknya ditentukan oleh tujuan sosialnya. Hubungan komunikasi ini digambarkan seperti berikut:



Menurut beliau, jika komunikasi berjaya pada tahap ideasional, maka amanat pada bahagian kanan rajah akan menjadi lebih kurang sama dengan bahagian pada kiri rajah. Walau bagaimanapun, menurut beliau ada standard kejayaan lain yang berlaku terhadap tahap wacana, iaitu serangkaian

prinsip untuk mencapai tujuan komunikasi yang dirujuk sebagai retorik teks dan wacana dengan mengambil kira pengertian retorik sebagai seni atau kepandaian komunikasi yang efektif.

Wacana sebagai satuan ayat berbeza dengan kelompok ayat kerana, satuan ayat menunjukkan kesatuan hubungan antara ayat manakala kelompok ayat pula bermaksud kumpulan ayat yang tidak berhubungan antara satu sama lain.

Ucapan yang berturut-turut atau berentetan dalam wacana ini pula memerlukan kecekapan daripada pihak penutur atau penulis untuk menyusun maklumat yang ingin disampaikan supaya maklumat yang sama tidak berulang berkali-kali. Ini bertujuan untuk mengelakkan kebosanan di pihak penerima. Dalam hal ini, penutur atau penulis juga bijak menyusun jenis maklumat agar proses komunikasi berjalan lancar yakni penerima dengan mudah dapat menanggapi apa yang hendak disampaikan oleh penutur. Proses menyusun maklumat inilah yang dikatakan sebagai struktur maklumat.

## KONSEP STRUKTUR MAKLUMAT

Dalam perbualan biasa, tanpa disedari penutur telah melakukan susunan terhadap ucapan yang dituturkan. Susunan maklumat ini merupakan perkara penting dalam penyampaian sesuatu maklumat sebagaimana pertanyaan Leech, “pertimbangan apakah yang mendorong penutur mengucapkan dengan cara tertentu dan bukan dengan cara lain?”

Susunan maklumat ini terbina dalam tatabahasa dan berlaku pada taraf klausa walaupun melibatkan teks yang panjang. Biasanya semua klausa mengandungi struktur maklumat.

Menurut Halliday dalam Bloor (1995:66), terdapat dua sistem yang hampir sama yang melibatkan struktur dalam klausa. Yang pertama dikenali sebagai struktur maklumat yang melibatkan binaan yang disebut maklumat lama dan maklumat baru dan yang kedua melibatkan binaan yang dikenali sebagai tema dan rema.

Struktur maklumat didefinisikan sebagai suatu proses interaksi antara apa yang telah diketahui atau boleh diagak dan apa yang baru atau yang tidak boleh diagak (Halliday, 1985:274–275). Struktur maklumat mengandungi unit-unit maklumat yang strukturnya terbina daripada dua fungsi, iaitu maklumat lama dan maklumat baru.

Maklumat baru merupakan maklumat yang diandaikan oleh penutur sebagai maklumat yang masih belum diketahui oleh pendengar. Manakala

maklumat lama pula didefinisikan sebagai maklumat yang diandaikan oleh penutur telah diketahui pendengar sama ada telah ada dalam teks atau melalui hubungan wacana.

Konsep struktur maklumat Halliday ini turut disentuh oleh Brown dan Yule (1983:154). Manakala Crystal (1987:157), mentakrifkan maklumat lama sebagai maklumat yang telah dibekalkan berdasarkan konteks sebelumnya semasa bertutur, manakala maklumat baru pula, maklumat yang menambahkan maklumat yang telah sedia ada.

Penelitian struktur maklumat yang dibuat oleh Sato pula (1991:41) dikaitkan dengan struktur tema. Beliau mengaitkan struktur maklumat dengan susunan ayat secara logik, iaitu judul cerita dalam bentuk lahirnya. Tambanya lagi, dalam menyampaikan maklumat, penyampai perlu memulakan cerita berdasarkan perkara yang telah ada dalam pengetahuan penerima, yang disebut sebagai “pengetahuan latar” penerima maklumat. Dalam hal ini, pengetahuan latar yang telah menjadi milik penerima dinamakan maklumat lama dan pengetahuan yang telah ditokok tambah oleh penyampai dinamakan maklumat baru.

Sanat (1997: 258) melihat struktur maklumat berdasarkan fungsi. Beliau mendefinisikan struktur maklumat sebagai organisasi teks atau wacana yang berdasarkan fungsi maklumat lama dan maklumat baru. Menurut beliau lagi, struktur maklumat direalisasikan berdasarkan sistem sintaksis dan fonologi.

Leech (1993) turut membincangkan aspek struktur maklumat ini. Mereka mengaitkan struktur maklumat dengan fungsinya sebagai salah satu prinsip untuk mencapai tujuan komunikasi. Beliau mengaitkan pertuturan secara akustik “bergerak”, maka perlu bagi pendengar, dalam menyah kod arus suara, memecahkan kepada satuan. Amanat mesti dibahagikan kepada ‘kumpulan maklumat’ dan satuan penting bagi tujuan ini dalam pertuturan ialah satuan nada, atau susunan intonasi.

Perbincangan mereka terhadap konsep struktur maklumat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pengklasifikasian berdasarkan pendengar dan berdasarkan penutur. Menurut mereka, dalam satuan nada, ada kecenderungan umum bahawa maklumat lama mendahului maklumat baru. Ini bermakna pengucap bergerak dari maklumat yang diandaikan telah diketahui pendengar kepada maklumat yang diandaikan ‘berita’ bagi pendengar.

Bahagian maklumat yang baru diperkenalkan ditandai dengan tekanan inti, yang merupakan titik tumpuan satuan nada. Prinsip “yang akhir lebih penting” bermakna kedudukan nada inti yang neutral ialah pada akhir satuan

nada, lebih khas pada butir leksikal atau “kata isi” terakhir. Prinsip kehadiran “maklumat baru” pada bahagian akhir klausa ini dikatakan prinsip tumpuan akhir.

Manakala dalam pertuturan biasa, menurut Leech dan Short, pengucap berada dalam situasi “apabila dia patut membuat keputusan dengan segera” kerana amanat mesti dipindahkan kepada kos dalam waktu yang singkat.

Biarpun pelbagai pendapat telah dikemukakan mengenai konsep struktur maklumat, namun apa yang dapat dirumuskan bahawa konsep struktur maklumat sebenarnya berkait rapat dengan organisasi teks atau wacana yang membina dan mengatur unit-unit maklumat yang terdiri daripada maklumat lama dan maklumat baru. Unit-unit maklumat ini perlu dikenal pasti oleh penutur sebelum memberi maklumat kepada penerima supaya tidak timbul kekeliruan pada pihak penerima ataupun rasa kebosanan disebabkan penyampaian maklumat yang sama berulang kali.

Untuk melahirkan komunikasi berkesan, penutur perlu membawa perhatian pendengar terhadap sesuatu perkara yang dikongsi atau pengetahuan bersama. Justeru sebelum menyampaikan sesuatu maklumat, penutur mestilah memastikan pengetahuan latar yang dimiliki oleh pendengar.

## Skema Analisis Struktur Maklumat

Terdapat beberapa skema yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis struktur maklumat dalam wacana. Antara skema yang dibuat ialah skema Halliday, Ellen Prince dan Brown dan Yule.

Skema penelitian struktur maklumat yang dibuat oleh Halliday mengandaikan, penutur bertujuan untuk menyampaikan isi sesuatu klausa melalui sesebuah teks. Isi klausa ini disusun atur dalam suatu klausa ayat yang mengandungi di dalamnya satu atau lebih unit-unit maklumat. Ini bermakna, dalam sesuatu teks terdapat klausa yang mengandungi unit-unit maklumat.

Unit-unit maklumat yang terbina dalam sesuatu klausa terdiri daripada maklumat lama (ML) dan maklumat baru (MB). Maklumat lama merupakan maklumat yang diandaikan oleh penutur sebagai maklumat yang telah diketahui oleh pendengar sama ada dalam teks atau melalui hubungan wacana, manakala maklumat baru merupakan maklumat yang dirasakan oleh penyampai sebagai maklumat yang masih belum diketahui oleh pendengar.

Secara strukturnya, unit maklumat mengandungi elemen ML yang bersifat pilihan dan elemen MB yang bersifat wajib. Biasanya penutur akan menyusun ML sebelum MB. Walau bagaimanapun, unit-unit permulaan

dalam sesuatu klausula wacana hanya mengandungi MB.

Salah satu ciri penting dalam skema Halliday ini ialah, penandaan jenis maklumat berdasarkan intonasi. Menurut beliau, susunan isi klausula yang terdiri daripada ML dan MB ini direalisasikan dalam pertuturan yang berasaskan fonologi dengan menggunakan intonasi. Menurut beliau lagi, elemen MB ditandai dengan suatu tekanan. Ini kerana setiap unit maklumat biasanya ditandai dengan *pitch contour* atau *tone* yang boleh naik dan turun atau *tone* yang bercampur. Elemen yang mempunyai tekanan ini biasanya membawa maklumat fokus.

Skema Halliday ini kelihatan seolah-olah pemaparan data kajian yang dianalisis melibatkan data yang bersifat lisan. Ini dipersejui oleh Brown dan Yule (1983:154) kerana menurut mereka, pada perbincangan Halliday mengenai struktur maklumat, beliau lebih memperincikan organisasi maklumat dalam konteks pertuturan bahasa Inggeris dengan mengaitkannya dengan fonologi.


Disebabkan data yang dianalisis bersifat lisan, maka dalam penulisan, cara untuk memberitahu penekanan nada ini ialah dengan menggunakan penekanan grafik, misalnya seperti menghitamkan atau menggariskan maklumat tersebut.

Menurut Halliday lagi, pola susunan maklumat dalam struktur ayat sebenarnya bergantung kepada penutur. Biasanya, penutur akan menyusun ML sebelum MB. Walau bagaimanapun, beliau mendapat dalam susunan maklumat tersebut, tidak terdapat tanda yang menunjukkan batas antara ML dan MB. Ini kerana, tekanan nada hanya berlaku pada penghujung MB tetapi tidak ada tanda di mana MB bermula.

Untuk mengatasi masalah ini, beliau mencadangkan supaya susunan maklumat ini dilihat berdasarkan konteks. Jika mengambil kira ayat dituturkan di luar konteks, dari segi dasarnya memang penutur dapat mengenal pasti MB, tetapi dari segi asas fonologi pendengar tidak tahu sama ada telah ada elemen ML atau batas antara ML dan MB dalam ayat tersebut. Contohnya:

1. // the / boy / stood / on / the / burning/ deck //

Dari contoh di atas, *on the burning deck* merupakan MB, kerana elemen tersebut ditandai dengan penekanan, tetapi tidak dapat diketahui sama ada maklumat baru juga merangkumi *stood* dan *the boy*.



New

Justeru, masalah yang dipaparkan ini dapat diatasi jika melihat teks yang berada dalam konteks. Ini jelas melalui contoh di bawah:

*In this job, Anne, we're working with silver*

*Now silver needs to have love*

Klausa kedua dituturkan seperti berikut:

// now / silver / needs to have / love /

Jika hanya mengambil ayat kedua sahaja, sudah tentu tidak dapat ditentukan batas antara ML dengan MB. Apa yang diketahui sekurang-kurangnya **love** ialah MB tetapi apabila mengambil klausa yang sebelumnya bersama, diketahui bahawa **silver** dalam klausa yang kedua telah menjadi ML. Oleh itu, elemen baru dalam klausa tersebut boleh dikatakan bermula dari **needs** kerana **silver** telah wujud dalam ayat sebelumnya.

// now / silver / needs to have / love /



Justeru, penelitian struktur mklumat Halliday ini amat menitikberatkan hubungan teks dengan konteks. Pemerihalan unit-unit mklumat dalam struktur mklumat yang dibuat Halliday ini agak mudah, iaitu dengan hanya berdasarkan intonasi turun naik nada dalam teks sebagai penanda kepada jenis mklumat.

Sementara Prince, (1981: 233–237) pula menyatakan bahawa sesebuah teks itu adalah arahan (penutur kepada pendengar) tentang bagaimana membina sebuah model wacana tertentu. Model wacana yang dibina mestilah mengandungi entiti wacana, sifat-sifat, dan hubungan di antara entiti. Menurut beliau, semua entiti dalam model wacana digambarkan oleh frasa nama (NPs), walau bagaimanapun, tidak semua frasa nama dalam teks menggambarkan entiti wacana. Prince seterusnya membuat pembahagian tentang struktur mklumat di dalam model beliau. Menurut beliau, struktur mklumat dikategorikan kepada tiga kategori utama, iaitu entiti baru, entiti lama, dan entiti ta’abiran.

Entiti baru melibatkan penutur mengemukakan sesuatu entiti kepada pendengar untuk kali pertama dalam wacana. Entiti baru ini dibahagikan kepada dua jenis, iaitu entiti baru terbaru dan entiti baru belum guna. Entiti terbaru bermaksud pendengar akan menerima suatu entiti baru manakala entiti baru belum guna bermaksud pendengar akan menerima suatu entiti yang ada

dalam pengetahuannya, tetapi dianggap sebagai baru pada masa itu.

Berbalik kepada entiti terbaru, Prince mengkategorikan entiti terbaru kepada dua, iaitu entiti terbaru berkaitan dan entiti terbaru tidak berkaitan. Entiti terbaru berkaitan merujuk kepada hubungan frasa nama (FN) yang terdapat dalam entiti itu berkaitan dengan frasa nama yang lain. Manakala entiti terbaru tidak berkaitan pula merujuk kepada entiti yang mengandungi frasa nama yang tidak berkaitan di dalamnya.

Entiti lama pula menurut Prince, merupakan entiti yang telah diperkenalkan dalam model wacana. Entiti ini boleh dikenal pasti oleh pendengar sama ada melalui persekitaran atau di dalam teks. Entiti lama terbahagi kepada dua jenis, iaitu entiti lama textual dan entiti lama keadaan. Entiti lama textual merujuk kepada entiti yang kedua atau entiti yang berikutnya dalam teks manakala entiti lama keadaan pula merujuk kepada ujaran penutur yang hadir di dalam teks berdasarkan situasi atau konteks.

Entiti ketiga ialah entiti ta'abiran. Entiti ini merujuk kepada entiti yang diandaikan oleh penutur bahawa pendengar boleh membuat kesimpulan daripada sesuatu entiti wacana yang telah diperkenalkan. Beliau seterusnya membahagikan entiti ta'abiran kepada dua jenis, iaitu entiti ta'abiran kandungan yang merujuk kepada sesuatu yang dita'abirkan berada dalam frasa nama ta'abiran dan entiti ta'abiran bukan kandungan yang merujuk kepada sesuatu yang dita'abirkan tiada dalam frasa nama ta'abiran.

## Skema Analisis Kajian

Pendekatan yang digunakan untuk kajian ini menggunakan pendekatan yang dibuat oleh Halliday (1985). Bersesuaian dengan teks yang dianalisis, iaitu cerita penglipur lara Melayu yang bersifat lisan, maka analisis menggunakan pendekatan Halliday yang melihat intonasi sebagai penanda jenis maklumat dalam setiap klausa. Dari segi taksonomi entiti, kajian ini hanya berpegang pada pandangan bahawa hanya terdapat dua entiti dalam wacana sahaja, iaitu entiti baru dan entiti lama kerana entiti ta'abiran sebagaimana yang dibuat oleh Prince dikira sebagai entiti lama.

## ANALISIS DATA

Bahan analisis ialah dua buah teks cerita rakyat dari negeri Perak dan Kedah. Cerita penglipur lara Kedah bertajuk **Mak Miskin (C1)** dan **Awang Golok Besar (C2)** yang diperoleh hasil rakaman yang dibuat oleh Zahir Ahmad. Cerita rakyat dari negeri Perak yang dianalisis pula bertajuk **Si Kulup**

**Nakkan Adik (C3) dan Kisah Puteri Dua Belas (C4)** yang diperolehi hasil daripada rakaman yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Data yang dianalisis berupa dialog yang dituturkan oleh watak dalam cerita penglipur lara dengan mengambil sekitar 13 dialog yang pertama.

## DAPATAN ANALISIS

### Penyebaran Bentuk Pengucapan ML dan MB

Daripada ayat yang dikutip sebagai bentuk dialog, analisis data menunjukkan kewujudan bilangan unit struktur maklumat menyamai bilangan unit struktur klausa. Ini membuktikan struktur maklumat lazimnya dilihat dalam konteks klausa sebagaimana yang diperkatakan oleh Halliday.

Dari segi pola susunan maklumat yang dituturkan oleh kedua-dua penglipur lara ini, terdapat tiga pola susunan maklumat, iaitu ML-MB, MB dan MB-ML. Analisis menunjukkan kedua-dua penutur sering menyusun ML yang diikuti MB dalam proses penyampaian maklumat. Ini menepati apa yang diperkatakan oleh Halliday bahawa biasanya penutur menyusun ML yang diikuti MB. Kerana untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan, penutur mesti membawa perhatian pendengar kepada sesuatu perkara yang dikongsi atau dianggap sebagai pengetahuan bersama yang biasanya berada di awal klausa.

Fenomena ini juga mungkin disebabkan struktur cerita penglipur lara itu sendiri. Meskipun berbentuk lisan, namun bahasa watak yang dituturkan oleh penglipur lara dalam semua cerita bersifat teks hafalan yang mungkin telah disusun terlebih awal. Oleh itu, susunan maklumatnya kelihatan lebih tersusun. Ini bertentang dengan pendapat Leech yang mengatakan, dalam teks lisan, pengucap hampir tidak mampu untuk merancang seluruh pengucapannya, hingga terdapat kecenderungan untuk memulai dengan hal yang paling penting pada fikirannya, iaitu hal yang pada fikirannya adalah titik tumpuan amanat yang menjadi MB.

Maklumat yang dikongsi bersama ini kadangkala tidak perlu diulang oleh penutur dalam ucapan seterusnya kerana tidak dapat diagak oleh pendengar. Sebagaimana yang dikatakan Halliday, UM merupakan unit struktural yang terdiri daripada MB dan ML. Bagaimanapun, ML bersifat pilihan atau tidak difokuskan. Justeru analisis ini mendapati, dalam menyusun maklumat yang ingin disampaikan, penglipur lara kerap kali menggugurkan ML dalam sesuatu klausa sama ada ML tersebut berada di awal dan di hujung klausa.

Ini mungkin bertujuan untuk mengelakkan kebosanan pendengar jika

maklumat tersebut diulang berkali-kali. Di samping itu, maklumat yang diulang berkali-kali juga kadangkala boleh mengelirukan pendengar.

Penelitian dari segi intonasi pula mendapati pendekatan Halliday yang mengatakan kebiasaan penutur memberikan penekanan pada bahagian hujung klausa tidak sama seperti yang dituturkan oleh kedua-dua penglipur lara. Begitu juga dengan prinsip tekanan nada yang dapat menggambarkan jenis maklumat sebagaimana yang dikatakan oleh Halliday, agak kurang menepati dengan dapatan analisis kajian ini. Analisis keempat-empat buah cerita mendapati kekerapan tekanan nada wujud pada bahagian awal dan juga penghujung klausa. Walaupun menunjukkan perbezaan kehadirannya dari segi kuantiti, namun ini memperlihatkan unsur tekanan pada awal klausa tetap wujud, meskipun maklumat yang didukung ialah ML sedangkan menurut Halliday tekanan tersebut hanya berlaku pada penghujung MB.

## KESIMPULAN

Makalah ini sedikit sebanyak telah mengetengahkan aspek struktur maklumat sebagai salah satu aspek dalam wacana. Penelitian cerita penglipur lara sebagai bahan analisis struktur maklumat mendedahkan pada kemahiran penglipur lara Melayu menggunakan bahasa sama ada dari segi penyusunan jalan cerita maupun pengutaraan ujaran-ujaran watak yang kelihatan seperti bersahaja tetapi menepati susunan struktur maklumat.

Pengetahuan tentang struktur maklumat sangat penting terutama kepada penutur untuk memastikan maklumat atau “berita” yang dibawa tidak dikategorikan sebagai “berita yang sudah basi”. Inilah yang dikatakan struktur maklumat bersifat tentu pendengar kerana penutur perlu memastikan maklumat yang ingin disampaikan kepada pendengar itu telah diketahui atau sebaliknya. Dari segi keberkesanan penyampaian pula pegetahuan tentang struktur maklumat akan melicinkan pengaliran maklumat kerana maklumat yang berulang-ulang akan mengurangkan kualiti teks malahan boleh menimbulkan kecaburan pada pendengar maupun pembaca. Dengan yang demikian, menjadi tugas penutur untuk menyelidiki atau mengambil tahu serba sedikit pengetahuan latar pendengar untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan.

## RUJUKAN

Bloor, M., dan Bloor, T., 1995. *The Functional Analysis of English Hallidayan Approach*. New York: Oxford University Press Inc.

WACANA RETORIK PENGLIPUR LARA MELAYU: ANALISIS STRUKTUR MAKLUMAT

- Brown, G., dan Yule, G., 1983. *Discourse Analysis*. New York: Cambridge University Press.
- Chafe, Wallace L., 1970. *Meaning And The Structure of Language*. Chicago: University of Chicago Press.
- Chafe, Wallace L. 1976. "Givennes, Constrastiveness, Definiteness, Subjects, Topic, and Points View", dlm. C.N.Li (ed.), *Subject and Topic*. New York: Harcourt Brace Javanovich.
- Halliday, M.A.K., 1986. *An Introduction to Functional Grammar*. USA: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K., 1967. *Intonation and Grammar in British English*. Paris: Mouton.
- Leech, G., dan Short, M., 1993. *Gaya dalam Cerea Penerapan Linguistik dalam Prosa Inggeris*. Diterjemah oleh Umar Junus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prince, E.F., 1981. "Toward A Taxonomy of Given-New Information", dlm. Cole, Peter (ed.), *Radical Pragmatics*. New York: Academic Press.
- Sanat Md. Nasir, 1997. "Wacana Cerpen Melayu: Analisis Struktur Maklumat", dlm. Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hisham Osman (ed.), *Meniti Zaman Masyarakat Melayu antara Tradiri dan Moden*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Tarigan, Henry Guntur, 1976. *Pengajaran Wacana*. Bandung: Angkasa.